

Teks Ucapan

**Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati Binti Pehin Orang
Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh**

Pegum Negara

Majlis Pelancaran

**Buku Panduan Arahan Penggubalan,
Garis Panduan Mengenai Perundangan Kes-Kes Jenayah
dan Siri Triti Brunei Darussalam**

19 Januari 2013

Tempat:

Indera Samudra Grand Hall 4
Empire Hotel and Country Club

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera

Yang Mulia Puan Naimah binti Mohd Ali, Peguamcara Negara dan Puan Alice Khan binti Ahmad Khan, Penggubal Undang-Undang selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Majlis Pelancaran Buku Panduan Arahan Penggubalan, Garis Panduan Mengenai Perundingan Kes-Kes Jenayah dan Siri Triti Brunei Darussalam,

Yang Amat Arif

Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Ketua Hakim Syar'ie

Yang Amat Arif Pemangku Ketua Hakim Mahkamah Besar, Justice Dato Paduka Steven Chong,

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.

Yang Mulia Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Pejabat Peguam Negara, Para jemputan khas dan hadirin yang kaola/saya hormati.

Alhamdulillah, kaola/saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir ke Majlis Pelancaran 3 terbitan 'significant' Pejabat Peguam Negara, iaitu:

- Panduan Arahan Penggubalan” (*Drafting Instructions handbook*);
- “Garis Panduan Mengenai Perundingan Kes-Kes Jenayah” (*Guidelines on Criminal Case Negotiations*); dan
- “Siri Triti Brunei Darussalam” (*Brunei Darussalam Treaty Series*)

Terlebih dahulu kaola/saya dengan ikhlas merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran pagi ini kerana telah menjemput saya untuk hadir dan seterusnya menyampaikan ucapan dan menyempurnakan perasmian pada pagi ini.

Kaola/Saya juga dengan gembira mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif Pemangku Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Dimuliakan Pehin Pesuruhjaya Polis, Yang Mulia Setiausaha Setiausaha Tetap/Timbangan-Timbangan Setiausaha Tetap dan para jemputan khas pada pagi ini dan sentiasa menghargai kerjasama rapat yang sentiasa terjalin di antara Kementerian-Kementerian, Jabatan Yang Amat Arif, Yang Dimuliakan Pehin/Dato/Tuan/Puan dengan Pejabat Peguam Negara. Sesungguhnya kehadiran abiskita mencerminkan sokongan padu dan penggalak kepada inisiatif Pejabat Peguam Negara untuk terus mendakap perubahan positif ke arah pembaikan seperti yang sentiasa diharapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Para hadirin yang kaola/saya hormati,

Ke arah visi Pejabat Peguam Negara untuk memberikan perkhidmatan undang-undang yang berkualiti tinggi bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda dan sejajar dengan Rancangan Strategik Pejabat

Pegum Negara 2012-2017, semua Bahagian di Pejabat Pegum Negara iaitu, Bahagian Penggubalan Undang-Undang, Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang, Bahagian Keadilan Jenayah, Bahagian Sivil, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Harta Intelek dan Pendaftaran, Bahagian Pentadbiran dan Unit-Unit di bawahnya telah mengorak langkah ke hadapan membuat perubahan dengan mengambil beberapa inisiatif ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh Pejabat Pegum Negara. Di antara inisiatif tersebut ialah menerbitkan dokumen panduan dalaman (internal guidelines) khusus bagi rujukan pegawai-pegawai di bahagian masing-masing di Pejabat Pegum Negara, dengan objektif utamanya, untuk mengamalkan proses kerja (work process) yang dapat mengatasi kelambatan dan meningkatkan produktibiliti. Selain itu semua Bahagian tersebut juga mengunghkayahkan muzakarah dan taklimat secara berterusan. Kaola/Saya dengan ikhlas merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ketua-Ketua Bahagian dan pegawai-pegawai di Bahagian masing-masing kerana sudi menyahut cabaran kaola/saya supaya tidak jemu untuk mencari jalan ke arah pembaikan, 'to think out of the box' not just 'business as usual' walaupun sentiasa menghadapi tugas yang sedia ada secara berterusan.

Sehubungan dengan langkah proaktif itu jua, pada pagi ini kaola/saya dengan rasa bangga dan gembira akan melancarkan tiga terbitan yang bukan saja digunakan oleh pegawai-pegawai Pejabat Pegum Negara, tetapi juga boleh dibuat rujukan oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan serta orang-orang yang berkepentingan di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam jentera pembangunan Negara, iaitu:

Pertama: BUKU PANDUAN ARAHAN PENGGUBALAN:

Seperti yang kita maklum undang-undang tidak pernah statik dan pegawai-pegawai penggubalan undang-undang bertanggungjawab untuk mengikuti *trend* undang-undang yang senantiasa berubah dan untuk menggubal undang-undang yang bermutu tinggi. Kadar dan jumlah undang-undang yang digubal juga bertambah dengan nyata sekali. Penggubalan undang-undang bukanlah tugas yang mudah. Ia memerlukan kepakaran, kesabaran dan kerja yang begitu teliti. Dari perspektif penggubalan, "undang-undang yang cepat" tidak semestinya menjadi "undang-undang yang baik" (*quick law may not necessarily be good law*).

Perlu kaola/saya tekankan bahawa Pejabat Peguam Negara tidak membuat dasar, tetapi menerima arahan mengenai perkara-perkara dasar daripada Jabatan-Jabatan/Kementerian/Kementerian yang berkaitan. Garis panduan mengenai prosedur penggubalan undang-undang telah pernah dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara sebelum ini. Bagaimanapun, seperti yang pernah kaola/saya janjikan dalam Ucapan Pembukaan Tahun Undang-Undang yang lalu, Pejabat ini berniat untuk memperbaikinya lagi dengan mengeluarkan manual yang lebih mudah difaham untuk kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta pegawai-pegawai di Pejabat Peguam Negara.

Alhamdulillah seperti yang diharapkan, "Buku Panduan Arahan Penggubalan" ini diterbitkan bagi menangani isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Pejabat ini di dalam proses penggubalan undang-undang yang dikehendaki oleh agensi-agensi Kerajaan. Adalah hasrat Pejabat Peguam Negara untuk senantiasa menggubal undang-undang yang sesuai dan tepat bagi mencapai matalamat dan objektif penggubalan iaitu memasukkan dasar yang diarahkan dan menjadikannya satu dokumen undang-undang (the incorporation of policy ideas into a legislative document). Apa yang penting ialah untuk agensi-agensi

Kerjaan yang terlibat menganalisa dan menetapkan dulu faktor-faktor yang akan memberi kesan kepada hala tuju dasar yang diambil sebelum penyediaan undang-undang dipohonkan dari Pejabat Peguam Negara.

Pejabat Peguam Negara akan memastikan bahawa undang-undang yang digubal berupaya untuk mencerminkan dasar Kerajaan dalam hal-hal yang berkenaan dan selaras dengan dasar tersebut. Buku Panduan ini diharap akan menjadi sumber rujukan yang berguna bagi membantu agensi-agensi Kerajaan menyusun dan menyediakan satu set arahan penggubalan yang tepat dan 'systematic' serta teratur yang kemudiannya akan menjadi sukat-sukat bagi Pejabat Peguam Negara menggubal undang-undang yang bermutu tinggi dan mantap dari segi perlaksanaannya nanti. Di samping itu juga kaola/saya berharap "Buku Panduan" ini akan dapat mengurangkan kekeliruan atau persepsi orang ramai mengenai tugas dan tanggungjawab pejabat ini dalam penggubalan-penggubalan undang-undang iaitu keperluan diadakan sesuatu undang-undang itu bukan di tentukan oleh Pejabat Peguam Negara tetapi adalah atas permintaan Kementerian/Jabatan yang berkenaan. Dengan kata lain, Pejabat Peguam Negara adalah penggerak dan pemudahcara kepada agensi-agensi Kerajaan dalam penggubalan dan pengemaskini undang-undang mengikut keperluan Negara.

Para hadirin sekalian, terbitan kedua ialah:

GARIS PANDUAN MENGENAI PERUNDINGAN KES-KES JENAYAH:

Beban kerja Pendakwa Raya dalam pendakwaan kes-kes jenayah terus bertambah dan membawa cabaran bagaimana kes-kes dapat ditangani dengan lebih cekap dan cepat. Kaola/saya pernah memaklumkan mengenai satu inisiatif untuk mempercepatkan penyelesaian awal kes-kes jenayah dan mengurangkan pembaziran masa kehakiman termasuk prosedur pendedahan kes jenayah dan protocol tawar-menawar pengakuan (plea bargaining) sebelum kes-kes dibawa di mahkamah. Alhamdulillah penerbitan "Garis Panduan Mengenai

Perundingan Kes-Kes Jenayah” merupakan perasmian (formalisation) amalan yang sebenarnya telah dipraktikkan selama ini oleh pendakwa dengan kerjasama pegawai-pegawai penguatkuasa dan pengamal undang-undang dalam usaha untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes jenayah. Perasmian perlaksanaan amalan ini dalam bentuk “Garis Panduan” oleh pihak pendakwa akan menjadikannya lebih telus dan konsisten. Objektif “Garis Panduan” ini akan menggalakkan perbincangan di antara timbalan pendakwa raya dan peguambela secara telus dan terbuka mengenai bahan bukti, pendedahan yang berkaitan tanpa formality mahkamah serta mendorong penyiasatan yang lebih menyeluruh dan penilaian yang lebih terperinci keatas sesuatu kes yang dalam penelitian dan pertimbangan.

Perlaksanaan Garis Panduan ini diharap akan dapat menyelesaikan kes dengan lebih cepat dan menjimatkan masa dengan mengurangkan bilangan kes di mana tertuduh hanya mengaku bersalah pada hari pertama perbicaraan ataupun mengurangkan bilangan hari yang diambil untuk perbicaraan kerana fakta telah dipersetujui dan isu-isu yang dipertikaikan telah dikenal pasti. Adalah diharapkan perasmian “Garis Panduan” ini dilihat sebagai satu usaha Pejabat ini didalam membantu dan mendokong inisiatif Jabatan Kehakiman Negara didalam perlaksanaan “Judiciary E-Case Management System” yang boleh membantu didalam mempertingkatkan lagi keberkesanan dan produktibiti pengurusan kes-kes di mahkamah. Kaola/saya telahpun dimaklumkan bahawa perlaksanaan “Garis Panduan” ini telah bermula pada 1hb Januari 2013.

Kaola/Saya penuh yakin dan berharap inisiatif Bahagian Keadilan Jenayah Pejabat Peguam Negara ini akan mendapat sokongan yang padu daripada pihak kehakiman, agensi penguatkuasa, Law Society, pengamal undang-undang dalam bidang jenayah, dan lain lain yang berkaitan sebagai usaha murni kita bersama ke arah mempertingkatkan lagi keberkesanan pentadbiran system keadilan jenayah di Negara Brunei Darussalam.

Para hadirin sekalian, terbitan ketiga ialah:

SIRI TRITI BRUNEI DARUSSALAM:

“Siri Triti Negara Brunei Darussalam” merupakan satu himpunan kesemua triti berbagai hala yang mana Negara Brunei Darussalam telah meratifikasi atau menyertainya. Maklumat yang telah dimuatkan termasuk tarikh kemasukan dan berkuatkuasa triti tersebut, reservasi atau pengakuan, ringkasan eksekutif mengenai triti tersebut dan kandungan teks triti tersebut.

Edisi Pertama ini akan mengandungi 3 perkara undang-undang antarabangsa iaitu counter terrorism, harta intelek dan undang-undang laut dan maritim. Pejabat Peguam Negara berhasrat akan menambah tajuk-tajuk yang bersesuaian di masa akan datang seperti perdagangan antarabangsa, alam sekitar dan jenayah merentas sempadan.

Besarliah harapan kaola/saya buku ini dapat dimanfaatkan dan digunakan sebagai satu sumber rujukan yang berguna bukan saja kepada pengamal-pengamal undang-undang antarabangsa, tetapi kepada pembuat dasar, pengamal undang-undang, para akademik dan penuntut-penuntut.

Disamping majlis pelancaran penerbitan buku-buku yang kaola/saya sebutkan di atas, kaola/saya di fahamkan Pejabat Peguam Negara hari ini juga mengadakan pameran maklumat serta sesi Muzakarah bersama-sama dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan tujuan untuk memberikan dan meningkatkan kefahaman mengenai 3 terbitan yang dilancarkan pada hari ini dan jua tugas dan tanggungjawab Pejabat Peguam Negara secara keseluruhannya. Kaola/saya berharap Muzakarah tersebut akan memberi peluang kepada semua yang hadir untuk berbincang dan memahami peranan masing-masing di dalam permasalahan undang-undang yang memerlukan nasihat dan pandangan Pejabat Peguam Negara. Kaola/saya

juga berharap agar kita semua akan terus bekerjasama di dalam suasana yang harmoni, hormat- menghormati, harga-menghargai, faham-memahami dalam memberikan khidmat yang terbaik sebagai sumbangan kita bersama ke arah agenda pembangunan Negara sejajar dengan wawasan Brunei 2035. Walaupun ada keperluan untuk kita mengimbas kembali masa lalu melihat masalah dan kelemahan yang ada, apa yang lebih penting ialah untuk kita sama-sama bergerak ke hadapan (to move forward) ke arah pembaikan dan kecermelangan.

Sebelum kaola/saya mengakhiri ucapan ini terlebih dahulu kaola/saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada abiskita semua di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan kepada Pejabat Peguam Negara di dalam semua bidang selama ini. Sesungguhnya tanpa sokongan dan kerjasama padu di antara kita, apa yang diimpikan tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama Jabatan Percetakan Kerajaan yang telah berusaha keras ke arah menerbitkan 3 terbitan yang akan kaola/saya lancarkan sebentar lagi dan semoga ianya akan menjadi pendorong ke arah penerbitan dan inisiatif yang berterusan di masa akan datang. Kaola/Saya jua mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara di atas semua sokongan abiskita kepada kaola/saya ke arah mencapai visi dan misi Pejabat Peguam Negara. Sama-samalah kita mengamalkan semangat kerja sepasukan (teamwork spirit) dalam menjalankan tanggungjawab berat yang kita pikul bersama. Seperti jua perumpamaan Melayu "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" dan "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh".

Dengan lafaz kalimah berkat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallahualaihi wassalam, dan dengan bertawakal serta bersyukur ke hadrat Allah Subahannahu Wata'ala kaola/saya dengan gembiranya, sukacita melancarkan:

- Panduan Arahan Penggubalan" (*Drafting Instructions handbook*);
- "Garis Panduan Mengenai Perundingan Kes-Kes Jenayah" (*Guidelines on Criminal Case Negotiations*); dan
- "Siri Triti Brunei Darussalam" (*Brunei Darussalam Treaty Series*)

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته